

09 DEC 1996

Samy-Buku

SAMY VELLU BIDAS AHLI POLITIK BOLOT SEMUA

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu membidas perbuatan sesetengah ahli politik yang "membolot segala-galanya" untuk diri sendiri selepas diberi peluang memegang jawatan dalam parti.

Beliau berkata terdapat juga mereka yang cuba menjatuhkan rakan dengan "mengotorkan" nama mereka hanya untuk mengambil alih jawatan mereka.

"Itulah yang pada kebiasaannya terjadi," kata beliau dalam satu wawancara dalam buku "MIC Era Samy Vellu" yang akan dilancarkan oleh Penasihat Ekonomi kepada Kerajaan Tun Daim Zainuddin di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini Ahad ini.

Buku setebal 250 muka surat dalam Bahasa Melayu menceritakan kehidupan Samy Vellu dari alam remaja hingga beliau menjadi seorang menteri. Ia ditulis oleh M.Vivekananthan, seorang jurubahasa mahkamah.

Dalam wawancara itu, Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya, berkata politik sebenarnya tidak kotor "tetapi orang yang melibatkan dirinya dalam politik yang mengotorinya".

"Bila seseorang ahli politik menjadi dedikasi dan mahu memberi khidmat yang baik kepada masyarakat, dia jadi kuat.

"Dan ahli politik lain pula yang tidak begitu berdedikasi dan tidak mendapat sokongan yang baik akan berfikir bahawa mereka tidak mempunyai peluang untuk naik selagi ahli politik yang itu masih ada. Oleh itu, mereka akan cuba menjatuhkannya dengan cara mengotorkan namanya," kata beliau.

Dalam wawancara itu, beliau juga ditanya mengenai hubungan beliau dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil menganggapnya sebagai "sentiasa mesra dan menarik", Samy Vellu berkata beliau telah mempelajari banyak perkara daripada Dr Mahathir, termasuk "memaafkan orang lain, terutamanya musuh politik". -- BERNAMA

ES MAI